

## Mesin toreh getah automatik UniKL MSI johan MyInovasi 2016

**PUTRAJAYA 2 Dis.** - Hasil inovasi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Malaysia Spanish Institute (MSI), mesin menoreh getah automatik (MeMGA) dinobatkan sebagai Johan Kemuncak Nasional dalam Pertandingan Memasyarakatkan Inovasi Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2016 (MyInovasi 2016) dan membawa pulang hadiah geran RM50,000.

MeMGA, alat memotong kulit getah berkonsepkan putaran mata pisau seperti berus gigi bermotor mampu menoreh getah dengan lebih cepat tanpa menyebabkan kecacatan pada pokok getah dan ia berjaya menewaskan 14 finalis lain.

Ketua kumpulan penciptaan MeMGA, Muhamad Termizi Muhamad berkata, idea tercetus berikutan su harga getah yang turun kepada sekitar RM3 sekilogram berbanding RM4 sekilogram pada tahun 2011.

"Ini adalah usaha kami bagi membantu golongan penoreh meningkatkan hasil susu getah



**MARY YAP KAIN CHING** menyampaikan geran RM50,000 kepada kumpulan pelajar UniKL MSI selepas muncul Johan Kemuncak Nasional dalam Majlis Penutupan MyInovasi 2016 Peringkat Nasional di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

kerana penoreh sering berhadapan masalah hasil yang sedikit apabila kulit getah sering rosak ketika menoreh (menggunakan pisau toreh biasa)," katanya kepada pemberita, di sini.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching dalam

majlis penutupan MyInovasi 2016 Peringkat Nasional di Kementerian Pendidikan Tinggi hari ini.

Ketika berucap dalam majlis itu Mary Yap berkata, dalam konteks inovasi, hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat membawa kepada pengkomersialan produk dan pengkomersialan

idea.

"Pengkomersialan idea adalah apabila IPT memberi perkhidmatan sebagai pakar perunding dan menyediakan penyelesaian kepada industri, menyampaikan latihan, menerbitkan buku dan menjalankan kontrak penyelidikan. - BERNAMA